

**Tingkat kualiti pengajian perubatan setanding antarabangsa – Najib
Utusan Online
11 September, 2012**

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa pengendali sekolah perubatan dan institusi yang menawarkan kursus Sains Kesihatan Bersekutu agar meningkatkan kualiti pengajian setanding antarabangsa.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana pematuhan syarat asas bagi memperoleh akreditasi pengajian semata-mata tidak lagi memadai pada masa kini.

Justeru jelasnya, adalah penting institusi berkenaan meletakkan tanda aras kualiti pengajian perubatan di negara ini dengan sekolah perubatan terkemuka dunia.

"Setelah matlamat itu dicapai, mungkin kita tidak perlu lagi menghantar anak kita melanjutkan pengajian ke luar negara kerana kualiti institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

"Tinggi harapan saya agar sekolah perubatan memandang serius dalam menawarkan pengajian yang berkualiti, bukan hanya untuk penuntut tempatan malah penuntut asing. Sedikit institusi pengajian perubatan yang berkualiti tinggi merupakan strategi terbaik berbanding terlalu banyak institusi yang menawarkan pendidikan kurang berkualiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah kampus baru Universiti Malaysia Allied Health Science Academy (MAHSA) di Bandar Saujana Putra dekat sini hari ini.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri G. Palanivel; Canselor MAHSA, Tun Zaki Tun Azmi serta Pro Canselor dan Pengerusi MAHSA, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican.

Kampus baru itu bakal menempatkan bangunan fakulti, canselori, penempatan untuk 15,000 penuntut, kemudahan sukan serta masjid.

Najib berkata, pengendali sekolah perubatan juga perlu mengemas kini kurikulum pengajian mereka secara serius untuk membolehkannya memberikan pengetahuan perubatan, kemahiran klinikal serta kemahiran lain kepada penuntut.

"Ini termasuk kemahiran psikologi, kemahiran komunikasi, interpersonal dan kemahiran kemasyarakatan bagi membantu penuntut menjadi pengamal perubatan yang baik.

"Mana-mana institusi pengajian yang baik juga perlu memiliki rekod penyelidikan berinovatif yang membolehkan mereka menghasilkan teori-teori dan bukti saintifik baru bagi meningkatkan kepelbagaian sains perubatan," ujar beliau.

Najib kemudiannya menegaskan negara patut mengelak menghantar penuntut ke institusi pengajian luar negara yang kualiti pengajiannya dipertikai dan menimbulkan banyak masalah.

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120911/dn_03/Tingkat-kualiti-pengajian-perubatan-setanding-antarabangsa---Najib